

11 AUG 1996

PERTANDINGAN JOHAN KEMAHIRAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed memuji penyertaan baik dan pertambahan kategori Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM) ke-7.

Beliau berkata penyertaan 112 peserta daripada golongan belia yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu belia dan terbuka satu petanda baik dalam usaha kerajaan mendorong belia menyertai bidang kemahiran.

"Pertandingan ini baik dilaksanakan kerana ia selaras dengan usaha kerajaan menambahkan bilangan graduan kemahiran dalam bidang tertentu," katanya kepada pemberita semasa lawatan ke tapak pertandingan PJKM di sini hari ini.

PJKM, yang berlangsung empat hari dan berakhir esok, menyaksikan 21 jenis kemahiran dipertandingkan bagi kategori belia dan 14 kategori terbuka.

Pemenang akan dianugerahi 'Anugerah Tangan Emas' yang akan disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa.

Johan PJKM kategori belia akan mewakili negara ke Olimpik Kemahiran Belia Antarabangsa Ke-34" di St. Gallen, Switzerland dan "Pertandingan Kemahiran Asean Ke-3" di Bangkok, Thailand, akan datang sekiranya umur tidak melebihi 22 tahun pada tahun pertandingan.

-- BERNAMA

SAA AHH